

3755/2
Perdagangan
Oktober
2008
2 jam



JABATAN PELAJARAN KU ALA TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN
TINGKATAN 4 TAHUN 2008

PERDAGANGAN

KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian. **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B***
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

3755/2

[Lihat sebelah
SULIT

Bahagian A

1. a) Terangkan maksud pengeluaran ? (5 markah)
- b) Jelaskan kelebihan pengkhususan dalam pengeluaran ? (10 markah)

**USAHAWAN MEMAINKAN PERANAN PENTING
DALAM MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA
YANG CEMERLANG , GEMILANG DAN TERBILANG**

- c) Terangkan peranan usahawan dalam menjayakan slogan di atas. (10 markah)
2. a) Terangkan kaedah sistem jualan langsung . (5 markah)
- b) Semakin ramai pengguna membeli barang melalui perniagaan pesanan mel . Mengapa ? (10 markah)
- c) Huraikan implikasi penghapusan pemborong kepada pengeluar. (10 markah)
3. a) Industri Kecil dan Sederhana mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan industri berat. Terangkan ciri-ciri tersebut . (5 markah)
- b) Maklumat berikut mengenai Syarikat Jati Indah yang mengeluarkan perabot Jati di Sungai Besar, Selangor.

Modal : RM 1.3 Juta
 Bilangan pekerja : 135 orang tempatan
 Jualan tahunan : RM 22 juta
 Pasaran : Sekitar Negeri Selangor

- Mengapakah Syarikat Jati Indah diklasifikasikan sebagai IKS ? (6 markah)
- c) Terangkan sumbangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kepada :
- i. Negara (7 markah)
- ii. Masyarakat (7 markah)

4. a) Maklumat berikut adalah ciri sebuah perniagaan Milikan Tunggal.

Nama perniagaan	: Pasar Mini Jaya
Alamat	: 702 Taman Kenanga, Besut, Trg.
Nama Pemilik	: Azizan bin Nan
Jenis barang jualan	: Makanan, minuman, perkakasan dapur, alat tulis dan lain-lain.

- i. Nyatakan jenis perniagaan Encik Azizan bin Nan .
(1 markah)
- ii. Terangkan empat fungsi perniagaan Encik Azizan kepada pengguna.
(8 markah)
- b) Amran dan Chong telah lama berkongsi mengusahakan perniagaan. Mereka bersetuju menukar milikan perniagaan tersebut kepada Syarikat Sendirian Berhad.
- Terangkan empat kelebihan yang dinikmati oleh Amran dan Chong daripada keputusan tersebut.
(8 markah)
- c) Pengendalian dan kawalan perniagaan yang baik dapat menentukan sama ada perniagaan itu sedang menuju ke arah yang di rancangkan. Huraikan perkara-perkara tersebut .
(8 markah)

5. a) Jelaskan maksud pelaburan ?

(5 markah)

“ Encik Choo Kok Moon adalah usahawan yang bercita-cita tinggi dan berpandangan jauh. Beliau yang merupakan pemilik kepada rangkaian “Bellina Moon” yang menjalankan perniagaan tilam mempunyai lebih daripada 10 cawangan di seluruh Malaysia. Setiap tahun rangkaian “Bellina Moon” mampu menjana keuntungan yang memberangsangkan.
 Dengan perancangan yang teliti “Bellina Moon” telah membuat pelaburan dalam bidang hartanah di samping melabur dalam unit amanah serta akaun tetap di bank.

Berdasarkan kajian kes di atas, jawab soalan-soalan yang berikut.

- b) Apakah pelaburan hartanah? Terangkan jenis pelaburan hartanah dengan contoh yang sesuai.

(5markah)

- c) Mengapakah pelaburan dalam simpanan tetap adalah lebih selamat berbanding pembelian saham?

(10 markah)

- d) Kirakan jumlah dividen yang diperoleh sekiranya “Bellina Moon” mempunyai jumlah syer dan simpanan seperti berikut dan syarikat tempat beliau membuat pelaburan mengistiharkan dividen 12% ke atas syer biasa.

8000 syer keutamaan 9% RM2.50 sesyer

10 000 syer biasa bernilai RM3.50 sesyer

RM40 000 akaun simpanan tetap 6% setahun.

(5 markah)

BAHAGIAN B :

Bahagian ini mengandungi satu soalan yang wajib dijawab

6. Baca kes di bawah dengan teliti.

“Perniagaan secara besar-besaran jauh lebih menguntungkan. Industri ini akan menambahkan pendapatan anda sehingga berlipat ganda berbanding pendapatan anda sekarang.” Ucapan yang bersungguh-sungguh daripada Pegawai Pertanian Mukim Kuala Berang ini telah benar-benar membakar semangat Encik Zamzuri seorang penduduk tempatan yang mengusahakan tanaman roselle dan buah naga secara kecil-kecilan. Kini dia berhasrat menukar status kebun buah-buahan itu kepada ladang roselle dan buah naga. Untuk mencapai hasrat tersebut dia telah memohon untuk menyewa sepuluh hektar tanah milik kerajaan yang terletak bersebelahan dengan kebunnya untuk diusahakannya.

Jika sebelum ini Encik Zamzuri hanya menjual hasil keluarannya di kawasan Ajil, Kuala Terengganu dan Kemaman sahaja, kini dia berhasrat untuk melebarkan jaringan perniagaannya ke seluruh Malaysia disamping mengeksport ke Singapura dan Jepun. Demi merealisasikan cita-cita besar ini, Encik Zamzuri telah memohon pinjaman bank sebanyak RM 1 juta untuk dijadikan modal perusahaannya. Dia mengedarkan risalah bagi mengiklan jawatan kosong di ladangnya.

Berkat kegigihan Encik Zamzuri dan pekerjanya, ladang roselle dan buah naganya mula mengeluarkan hasil selepas dua tahun diusahakan dan impian Encik Zamzuri menjadi kenyataan.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut :

- a) Apakah cabang pengeluaran yang diceburi oleh Encik Zamzuri ?
(1 markah)
- b) Jelaskan faktor-faktor pengeluaran yang diperlukan untuk menghasilkan buah naga dan buah Roselle .
(8 markah)
- c) Nyatakan perbezaan antara perniagaan dalam negeri dengan perniagaan luar negeri.
(8 markah)
- d) Nyatakan kelebihan yang diperolehi oleh Encik Zamzuri dan Kerajaan Malaysia sekiranya dia mengeksport buah-buahnya.
(8 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT